



**TEKS UCAPAN**  
**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
**PROGRAM**  
**MAJLIS PERASMIAN PENGGUNAAN SISTEM PENGURUSAN BANTUAN**  
**KEBAJIKAN (eBantuanJKM)**  
**DI SARAWAK**

**LOKASI / TARikh / MASA**  
**HOTEL RAIA KUCHING, SARAWAK**  
**13 JUN 2025 (JUMAAT) | 10.00 PAGI**

Kemas kini 11 Jun 2025

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam Sarawakku Sayang,

Salam Malaysia MADANI.

**(SALUTASI)**

**LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN**

1. Alhamdulillah, kita berhimpun pagi ini dalam satu majlis yang amat bermakna — meraikan satu lagi langkah penting dalam menambah baik sistem penyampaian bantuan kebajikan di Sarawak.

2. Syabas dan terima kasih saya ucapkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak, Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Setiausaha Persekutuan Sarawak dan Setiausaha Kerajaan Sarawak atas kerjasama erat yang menjayakan penggunaan sistem eBantuanJKM di negeri ini.
  
3. Majlis ini bukan sekadar pelancaran sistem — ia adalah pengiktirafan terhadap usaha semua pegawai dan kakitangan JKM yang komited menyantuni masyarakat rentan dengan penuh empati dan profesionalisme, dari peringkat negeri hingga ke daerah.

## **REFORMASI PERKHIDMATAN – LEBIH CEKAP, LEBIH TELUS**

4. Kita tahu bahawa pengurusan bantuan kewangan adalah antara nadi utama JKM. Tahun ini sahaja, **lebih RM2.49 bilion diperuntukkan** — satu amanah besar yang menuntut pengurusan yang telus, cekap dan berintegriti.

5. Sistem **eBantuanJKM** diperkenalkan untuk memastikan proses penyaluran bantuan lebih tersusun, pemantauan lebih menyeluruh, dan data lebih tepat. Khususnya di Sarawak — **negeri yang luas dengan penerima bantuan yang ramai** — sistem ini sangat penting untuk memperkemas kerja lapangan.

**6. Untuk makluman, seramai 55,184 individu di Sarawak telah menerima bantuan bulanan daripada JKM antara Januari hingga April 2025, melibatkan peruntukan melebihi RM98.8 juta daripada Kerajaan Persekutuan. Ini menunjukkan keperluan mendesak kepada sistem yang cekap dan menyeluruh bagi menjamin bantuan sampai tepat pada masanya kepada mereka yang memerlukan.**

7. Transformasi ini akan memudahkan tugas petugas barisan hadapan kita dan pada masa yang sama, meningkatkan keyakinan rakyat terhadap kecekapan sistem kebijakan negara.

## **MENUJU ERA BAHARU – SPBK 2.0 & MyDIGITAL**

8. Saya difahamkan bahawa JKM kini sedang membangunkan sistem baharu yang dinamakan **Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan 2.0 (SPBK 2.0)** yang akan menggantikan eBantuanJKM menjelang akhir tahun 2026.

9. Sistem sedia ada telah berkhidmat lebih 15 tahun, namun kini berdepan kekangan teknologi. Maka, SPBK 2.0 ini hadir sebagai solusi berimpak tinggi — selaras dengan **inisiatif MyDIGITAL dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia.**

10. SPBK 2.0 akan berfungsi sepenuhnya dalam talian secara menyeluruh (end-to-end), menggunakan platform digital yang selamat, berintegriti dan mesra pengguna. Ia akan memanfaatkan teknologi terkini seperti **business intelligence**, **Geographical Information System**, **notifikasi automatik**, dan **komputasi awan (CFA)**.

11. Lebih penting, sistem ini akan berintegrasi dengan pelbagai sistem kerajaan seperti **PADU**, **eKASIH**, **iSPEKS** (**Sistem Pendaftaran dan Pengurusan Kes Perlindungan Sosial Bersepadu**), **iGFMAS** (**Sistem Perakaunan dan Pengurusan Kewangan Kerajaan Bersepadu**), **myIDENTITY** (**Pusat Data Identiti Nasional**), dan **MyGDX** (**Pertukaran Data Kerajaan Malaysia**) — membolehkan proses siasatan dan pemberian bantuan dilaksanakan dengan lebih cepat dan tepat berdasarkan data sahih.

12. Inilah contoh penambahbaikan yang sejajar dengan pendekatan *whole-of-government* — penyampaian perkhidmatan yang bersepadu, pantas dan responsif kepada keperluan rakyat.

13. Kementerian optimis bahawa penggunaan eBantuanJKM dan pembangunan SPBK 2.0 akan melonjakkan kecekapan perkhidmatan kebajikan — bukan sahaja dari sudut teknikal, tetapi juga dari segi **budaya kerja yang progresif dan berfokus kepada rakyat**.
14. Ini adalah langkah penting ke arah membina masyarakat digital yang inklusif, saksama, dan bersedia menghadapi masa depan — seperti yang digariskan dalam agenda Malaysia MADANI dan Pelan Transformasi Perkhidmatan Digital Sektor Awam.

## PENUTUP

15. Sekali lagi, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan pelaksanaan sistem eBantuanJKM di Sarawak.
16. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan sukacitanya **merasmikan Penggunaan Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan (eBantuanJKM) di Sarawak.**

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI  
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat  
13 JUN 2025**